Jilid I
Bil. 77

Hari Jumaat
1hb November, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGAN

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1992 [Ruangan 12701]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1992 [Ruangan 12751]

DICETAK OLEH JABATAN PBRCETAKAN NBGARA, KUALA LUMPUR
GHAZAU BIN JANI. J.S.D.. K.M.N.. *A.M.P.*, P.P.T..
KETUA PENGARAH PERCETAKAN NEGARA, MALAYSIA
1992

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.l.S. (Kubang Pasu).

,, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAPAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menieri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

,, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VEI.LU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

,, Menteri Perusahaan Ulama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M, (Beruas).

,, Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

,, Menteri Perdagangan Anlarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAPIDAH Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

,, Menteri Pendidikan, DATO' AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

,, Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

,, Menleri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P. (Permalang Pauh).

,, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

,, Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

,, Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

,, Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

,, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

,, Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).

,, Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM An LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).

,, Menteri di Jabaian Perdana Menieri, DATO' ABANG ABU BAKAR DIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

,, Menleri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

,, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

,, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

,, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menleri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.MJ. (Kota Tinggi).

,, Menteri Luar Negeri, DATUK. ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

,, Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).

,, Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).

,, Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

,, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat)-

,, Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

,, Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

,, Timbalan Menteri Perlahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

,, Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAII BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

,, Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

,, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN Osu BIN HAJI SUKAM (Papar).

,, Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

,, Timbalan Menleri di Jabalan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.s.D.K., s.M.s. (Baling).

,, Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

,, Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

,, Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

,, Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.MJ. (Ledang).

,, Timbalan Menteri di Jabalan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, o.p.M.s. (Titiwangsa).

,, Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).

,, Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

,, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri).

,, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S, (Bakri).

,, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).

,, Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

,, Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., I.P., P.I.K. (Setiu).

,, Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

,, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

,, Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., p.p.c. (Saratok).

,, Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).

,, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).

,, Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).

,, Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

,, Seliausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

,, Setiausaha Parlimen, Kememerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

,, Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

,, Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

,, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

,, Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).

,, Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

,, Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).

,, Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

,, Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah)

,, Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Induslri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.N. (Segamat)

,, TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

,, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

,, TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

,, TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

,, DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

,, TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

,, DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).

,, DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).

,, TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

,, DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

,, TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

Yang Berhormat TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

,, TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

,, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

,, DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

,, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

,, DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

,, DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

,, TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).

,, TUAN HAII BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).

,, TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

,, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).

,, TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S,,S.S.A.P. (Merbok),

,, DR V. DAVID (Puchung).

,, TUAN FONG KUI LUN (Klang).

,, TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).

,, TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).

,, TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).

,, TUAN GOOI HOCK SENG (Bukii Bendera).

,, TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).

,, TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

,, TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).

,, TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).

,, TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).

,, TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).

,, CHE IBRAHIM BIN MUSTAPA (Sungai Peiani).

,, LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).

,, PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).

,, TUAN HAJI ISIIAK BIN ARSHAD (Kangar).

,, DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).

,, TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).

,, TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGA, P.B.S. (Kapil).

Yang Berhormat TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau),

,, TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

,, TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

,, TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

,, DR KUA KIA SOONG (Pelaling Jaya).

,, TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

,, TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).

,, TUAN ROBERT LAU HOI CHEw (Sibu).

,, TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

,, TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

,, TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).

,, TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

,, PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).

,, DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).

,, TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).

,, TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).

,, DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).

,, TUAN MICHAEL ASANG, B.s.K. (Jambongan).

,, TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).

,, DATO' HAJI MOHAHAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).

,, TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).

,, TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Panlai).

,, TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).

,, DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

,, DATO' HAJI MOHD. SHARIP BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.I.K. (Sepang).

,, TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAPAR (Batu Berendam).

,, TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).

,, DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).

,, TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.c.R.L., K.su. (Limbawang).

,, TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

,, DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).

,, TUAN NURNIKMAN BIN AsouLLAH (Kimanis).

,, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

,, DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).

Yang Berhormat DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
,, TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
,, DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
,, DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
,, DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (BAGAN SERAI).
,, TUAN RADIN MALLEH (Padas).
,, PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAII ABDUL MANAP (Shah Alam).
,, TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
,, PUAN ROHANI BINTI AfID. KARiM (Santubong).
,, TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
,, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
,, TUAN SAIDIN @ YUSOP BIN ADAM (Tanjong Karang).
,, DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
,, TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
,, TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
,, PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau)
,, TUAN HAJI SUKRI BIN HAJi MOHAMED (Kok Lanas).
,, TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
,, DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
,, TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
,, DR TAN SENG GIAW (Kepong).
,, TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
,, TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
,, WAN HANAPIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
,, WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAPAR (Batang Lupar).
,, TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
,, WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
,, TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
,, TUAN WONG WING ON (Kampar).
,, TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
,, DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
,, TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
,, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
„ TUAN GEOPPREY YEE LING FOOK (Tawau).
,, TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
,, TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Supiah binti Dewan.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Su Soon Chuan.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 1hb November, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 4.00 petang

DO A

(Tuan Yang di-Perlua *mem-pengerusikan Mesyuarat)*

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1992

Bacaan Kali Yang Kedua

4.00 ptg

Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan uniuk perkhidmatan bagi tahun 1992 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu" dibacakan pada kali yang kedua.

Alhamdulillah saya panjatkan kesyukuran kepada Allah s.w.t. kerana dapat membentangkan Belanjawan pertamadalamsuasanaekonomiyang penuh meyakinkan. Belanjawan 1992 dirangka bagi menghadapi cabaran-cabaran strategik dan menterjemahkan hasrat dan cita-cita yang terkandung dalam Wawasan 2020. Justeru itu, Strategi Belanjawan ini dan langkah-langkah yang diambil cuba memenuhi keperluan dan tuntutan Dasar Pembangunan Negara dan Rancangan Malaysia Keenam (RM6) kerana dasar dan rancangan tcrsebut adalah langkah pertama ke arah mencapai matlamat Wawasan. Pertimbangan sewajarnya harus diberikan terhadap isu-isu ckonomi semasa dan persoalan sirukiural untuk mengukuhkan asas ekonomi dalam jangka masa sederhana, dan seterusnya membina ketahanan ekonomi bagi melahirkan bangsa Malaysia yang berdaya maju.

Sesungguhnya kita dapat merangka Belanjawan negara dengan cukup yakin kerana kita mewarisi satu kedudukan ekonomi yang cukup kukuh dan mantap. Maka wajar sekali saya mulai dengan menyatakan penghargaan yang amat tinggi kepada bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin. Kecekalan beliau memperkenalkanlangkah-langkahtegas dan berani berjaya mengukuhkan kedudukan ekonomi negara. Dasar penswastaan telah diakur kejayaannya. Negara bukan sahaja dilegakan daripada beban hutang yang besar bahkan beliau telah memulakan program membayar hutang lebih awal daripada jadual. Terima kasih Tun Daim. Kita turut berbanggadiataskcsediaannyauntuk membaniu negara memajukan Langkawi, Labuan dan Tiga Segi Utara.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan ekonomi yang bakal kita hadapi dalam dekad-dekad yang akan datang semakin mencabar dan rumit. Kita akan berhadapan dengan senario politik dan ekonomi dunia yang lebih gawat; dan lonjakan kemajuan rantau yang pesat dan pantas. Justeru itu, kita pcrlu terus mencatat kemajuan dan mcningkatkan keupayaan. Ini wajar dilakukan dengan keprihatinan dalam menangani kesan-kesan sampingan yang wujud hasil

daripada kemajuan yang kita capai sekarang. Kita harus menggarap meneruskan agenda membela nasib golongan fakir atau lermiskin; mengawal kcruntuhan akhlak, kerendahan akal budi dan kekacauan nilai.Dansecaralebihkhusus harus dipelihara dengan pengurusan belanjawan cermat dan berhemat, dasar fiskal dan kewangan bagi mengawal inflasi, dan mempcrbaiki kedudukan imbangan pembayaran.

Kesan-kesan sampingan yang dimaksudkan sengaja dihimbau agar kita lebih berwaspada dan bersedia. Langkah-langkah segera harus diambil agar masalah lersebut lidak merebak menjadi masalah struktural. Kita perlu mengambil pendekatan mengekalkan pertumbuhan mcskipun pada kadar yang lebih sederhana tetapi bcrdaya lahan dan mampan(sustainable).Langkahinilebih serasi dengan penekanan terhadap pertumbuahn organik dan seimbang dengan keutamaan-keutamaan pembangunan ekonomi. Kerajaan akan terus menjamin kesinambungan di samping memperkemas pclaksanaan dasar-dasar yang teruji dan terbukti membawa kejayaan ekonomi. Penswaslaan, kelonggaran peraturan dan dasar yang liberal akan terus diamatkan dcngan meningkalkan penyertaan aktif sektor swasta dalam kegiatan ekonomi, agar lebih cekap dan kompctitif.

Pendekatan lersebut telah membuahkan hasil lumayan dalam konteks pcrtumbuhan ckonomi negara dan pengagihan kekayaan kepada rakyat. Pertumbuhan ekonomi kita bukan sahaja mengatasi prcstasi negara-negara membangun. bahkan juga dapat melebihi kadar pertumbuhan ekonomi negara-negara industri. Negara kita telah mencatat kadar pcrtumbuhan pesat bagi tempoh yang paling lama dalam sejarah. Dalam tahun ini, Keluaran Dalam NegaraKasar(KDNK)dijangkatumbuh pada kadar 8.6 peratus, dan pendapatan per kapita ialah 6,780 ringgit.

Dan, dcngan mengambilkira perkembangan ekonomi dan politik antarabangsa yang tidak menentu, kadar pertumbuhan sebenar ekonomi kita tahun hadapan dijangka kekal sekitar 8.5 peralus dan pendapatan per kapila meningkat kepada 7,400 ringgit. Kadar pertumbuhan ini bolch dicapai hasil daripada dasar-dasar pragmatik yang kita amalkan selama ini, sehingga kejayaan kita mengurus ekonomi tetah mcndapat pengiktirafan antarabangsa. Bebcrapa daripada dasar eonomi kita kini dijadikan model oleh negara-negara luar.

Tetapi kejayaan tidak harus menjadikan kita alpa. Berakhirnya persaingan ideologi akan menyaksikan persaingan ekonomi yang lebih sengit dan kita perlu peka dengan senario antarabangsa yang pantas berubah. Kemunculan Pasaran Eropah Bersatu dalam tahun 1992, Kawasan Pasaran Bebas Amcrika Utara (NAPTA), perubahan di Soviet Union dan keruntuhan negara-negara Komunis Eropah Timur, perkembangan di Asia Barat dan kemuncuian Afrika Selatan sebagai negara pasca Aparihcid, akan meningkatkan kesannya ke atas iklim ekonomi antarabangsa. Negara membangun, termasuk Malaysia, yang memerlukan pengaliran modal terpaksa bersaing dengan keghairahan negara-negara induslri membantu pembangunan semula Soviet Union, Eropah Timur dan Teluk Parsi. Kecenderungan beberapa negara industri mempertahankan dasar perlindungan boleh menjejaskan prospek negara yang mengamalkan ekonomi terbuka.

Tetapi setiap cabaran juga membawa peluang baru; jika ditangani dengan positif. Langkah Kerajaan untuk membina ketahanan ekonomi adalah stralegi kila untuk menghadapi perubahan ini. Ini, termasuklah usaha gigih untuk menggerakkan tabungan. Lebih penting daripada itu, kita perlulah berusaha dengan lebih agresif mencari pasaran baru, meneroka bidang baru dan

menjalin kerjasama ekonomi yang baru. Sehubungan ini, program pembangunan dan penyelidikan bukan sahaja perlu dipertingkatkan, tetapi juga diperluaskan lagi supaya kita tidak selama-lamanya menjadi penonton dan pengguna teknologi canggih. Kita seharusnya berusaha untuk mengimbangi pembangunan ekonomi dan teknologi dengan pembinaan budaya ilmu.

Tuan Yang di-Pertua, sektor-sektor yang menjadi sumber kekuatan kepada ekonomi kita adalah sektor perkitangan, pembinaan dan perkhidmatan. Ketiga-tiga sektor ini menyumbang kira-kira 75 peratus kepada KDNK. Pertumbuhan pesat sektor-sektor ini akan memperkukuhkan lagi proses pertumbuhan. Sektor pertanian tidak berkembang kukuh disebabkan olch pengeluaran getah dan kayu balak yang berkurangan serta pengeluaran minyak kelapa sawit yang lerus lcmbap. Sektor perlombongan yang kini dikuasai oleh pengeluaran petroleum, dijangka menunjukkan pertumbuhan sederhana disebabkan oleh pertumbuhan pengeluaran petroleum pada kadar perlahan.

Faktor utama yang menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi ialah permintaan dalam negeri yang dijangka meningkat pada kadar 13 peratus berbanding dengan 15 peratus pada tahun 1990. Penggunaan swasta, yang merupakan komponen terbesar permintaan dalam negeri, dianggarkan berkembang pada kadar 10 peratus. Kadar penggunaan melambung tinggi kerana penggunaan swasta lelah berkembang pada kadar 14 peratus dalam tahun-tahun 1989 dan 1990. Pelaburan swasta dijangka terus kukuh dengan kadar pertumbuhan 20 peratus. Kadar pertumbuhan sektor swasta yang tinggi adalah hasil dari dasar kita untuk menjadikannya sebagai jentera utama pertumbuhan. Pelaburan sektor awam juga terus meningkat kerana komitmen Kerajaan yang berterusan untuk memberikan kemudahan dan prasarana yang lebih baik kepada rakyat. Pelaburan awam dijangka meningkat sebanyak 13 peratus berikutan pertambahan peruntukan yang besar dalam Rancangan Malaysia Keenatn bagi projek infrastruktur, pendidikan dan kesihatan. Nyata sekali bahawa komponen perbelanjaan dalam negeri meningkat dengan ketara menandakan corak pertumbuhan segar secara menyeluruh.

Pertambahan permintaan dalam negeri juga telah meningkatkan import yang dijangka berkembang sebanyak 32 peratus dalam lahun 1991. Sebahagian besar import termasuk keperluan barangan modal dan peranlaraan yang tinggi oleh pclabur asing yang digunakan dalam sektor perkilangan. Ini akan menyebabkan defisit besar dalam akaun semasa imbangan pembayaran iaitu sebanyak 11.8 bilion ringgit berbanding dengan 4.5 bilion ringgit pada tahun 1990. Walau bagaimanapun, berikutan daripada aliran masuk bersih modal asing yang kukuh berjumlah sebanyak 12.8 bilion ringgit, imbangan pembayaran keseluruhan dijangka mencatat lebihan sebanyak 1 bilion ringgit. Dengan itu, rizab antarabangsa kita dijangka bertambah di sekitar 28 bilion ringgit pada akhir tahun 1991. Ini mencukupi untuk membiayai import tertangguh selama 3.2 bulan.

Defisit yang lebih besar ini adalah ekoran pertumbuhan ekonomi yang pesat, serta kejayaan kita menarik pelaburan asing secara besar-besaran. Sementara kita harus mengambil langkah berhati-hati dalam menangani permasalahan lersebut, kita harus merasa lega kerana keadaan ini bersifat sementara. Defisit akan berkurangan sebaik sahaja pelaburan baru mula menghasilkan eksport.

Kedudukan gunatenaga terus bertambah baik. Pada akhir tahun ini, kadar pengangguran dijangka bcrkurangan kepada 5.6 peratus. Tetapi, angka pengangguran ini akan menjadi

lebih rendah jika kita hanya mengira golongan yang aktif mencari pekerjaan sebagai penganggur. Kita mengambil pendekatan konservatif dalam mengira kadar pengangguran berbanding dengan Bank Dunia yang mengggunakan angka yang lebih rendah iailu 3.4 peratus. Dengan kadar tersebut, ekonomi kita dikira telah sampai peringkal guna-tenaga penuh. Ini menyebabkan paras upah meningkat kerana ketegaran dalam pasaran buruh serta kekurangan tenaga kerja dan kemahiran lerulama di kawasan-kawasan perindustrian.

MEMBINA KEKUATAN EKONOMI MASA DEPAN

Tuan Yang di-Periua, Rancangan Malaysia Keenam telah mengambil kira cabaran-cabaran gunatenaga mahir, inflasi, imbangan pembayaran serta tekanan lerhadap infrastruktur. Kerajaan meramalkan kadar pertumbuhan purata ekonomi yang sederhana sebanyak 7.5 peratus bagi tempoh tersebut. Gejala ini masih dianggap positif sckiranya kita dapat mcmastikan kadar pertumbuhan yang mampan (sustainable) di samping mengawal kadar inflasi di kadar yang minimum. Hanya dengan cara ini rakyat akan menikmali peningkatan taraf hidup sebenar dan pendapatan tidak dihakis oleh inflasi.

Kepcrluan memperbaiki dan meningkat infrastruktur dan perkhidmatan juga bermakna negara memerlukan pembiayaan besar. Lantaran itu, kita perlu menggembeleng tabungan yang lebih tinggi. Tetapi datam tahun-tahun kebelakangan ini, tabungan negara sebagai peratusan kepada Keluaran Negara Kasar (KNK) telah berkurangan daripada 34 peratus dalam tahun 1987 kepada 30 peratus pada tahun 1990 dan pada tahun ini peratusan ini dijangka merosoi lagi. Walaupun tabungan awam meningkat, tabungan swasta merosot dengan ketara daripada 27 peralus daripada KNK dalam tahun 1987 kepada 17 peratus pada tahun 1990. Disebaliknya, tahap pelaburan terus meningkat daripada 25 peratus daripada KNK dalam tahun 1987 kepada 34 peratus dalam tahun 1990 dan 37 peratus dalam tahun ini.

Kemerosotan tabungan yang berterusan ini membimbangkan kerana ekonomi kita kini menghadapi masalah jurang sumber atau kekurangan tabungan, Jurang ini dijangka mencapai paras lebih kurang 10 peratus daripada KNK pada tahun 1991 dan ini perlu diatasi melalui aliran masuk modal asing. Tetapi kita tidak boieh lerlalu bergantung kepada modal atau tabungan luar negeri untuk membiayai pembangunan kerana aliran masuk modal asing adalah tidak menentu. Kila akan menambab insentit untuk menggembeleng tabungan, dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil langkah-langkah lanjut bagi memastikan penambahan labungan di kalangan rakyal. Kefahaman dan kesedaran rakyat perlu ditingkatkan dalam rangka mendiri dan membina ketahanan ekonomi.

Strategi bagi mengatasi defisit termasuklah usaha meningkatkan eksport barang-barang perkilangan. Sektor perkilangan utama kita yang mengeksport barangan elekironik, elektrik, tekstil dan pakaian, meng-import lebih daripada 80 peratus keperluan inputnya. Struktur ekspori keluaran perkilangan negara perlu diperkukuhkan dengan mempelbagai-kan asas-asas perindustrian dan mempertingkatkan tahap teknologi terutamanya di kalangan industri-industri kecil dan sederhana (IKS). FaktorpertalianantaraIKSdengan industri-industri besar akan di-titikberatkan dan penubuhan syarikat usahasama akan digalakkan dalam Belanjawan ini. Pada masa yang sama, rangkaian subkontrak dan pembekal yang ada sekarang akan diperkemas.

Langkah-langkah yang dilaksanakan untuk mengurangkan defisil dalam akaun perkhidmatan telah menunjukkan kesan positif. Dcfisit perkhidmatan telah dapat dibendung pada lahap 10 bilion ringgit. Misalnya, dengan langkah-langkah penggalakan pelancongan, komponen pcrjalanan yang dahulunya mengalami dcfisit telah mencatatkan lebihan sejak lahun 1990.

Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan bertambah baik. Akaun semasa Kerajaan Persekutuan yang mencatatkan dcfisit dalam tahun 1986 dan 1987 telah kembali menunjukkan lebihan sejak 1988. Nisbah khidmat hutang telah berkurangan daripada 7 pcratus dalam lahun 1986 kepada 3.5 peratus pada akhir tahun 1990. Ini telah membolehkan kcrajaan meningkatkan perbelanjaan pembangunan khususnya untuk infraslruktur scrta memperbaiki taraf hidup rakyat. Projek infraslruktur telah diberi peruntukan yang besar bagi mempercepatkan pelaksanaannya memandangkan permintaan mendesak terhadap kemudahan pelabuhan dan lain-lain kcmudahan infrastruktur.

Kepcrluan perbelanjaan mengurus dan pelaburan lain juga turut meningkat. Apabila taraf hidup rakyat bcrtambah baik, permintaan bagi kemudahan pendidikan, kesihatan dan perkhidmatan lainnya turut bertambah. Meskipun beberapa jenis perkhidmatan ini boleh diswastakan bagi mcngurangkan perbelanjaan awam, Kerajaan masih perlu menyediakan pcrkhidmatan asas dan ini memerlukan pcrbelanjaan yang lebih besar.

Scmuaperbelanjaan ini akan memberi tekanan ke atas hasil Kerajaan. Nisbah hasil berbanding dengan KNK telah berkurangan daripada 28 peratus bagi separuh pertama dekad 80an kepada 26 peratus dalam separuh kedua dekad dengan hasil cukai merosot daripada 23 peratus kcpada 19 peratus. Ini bermakna kadar penambahan hasil Kerajaan tidak setimpaldengankadarpertumbuhan ekonomi yang berkembang dengan pesat. Penurunan ini disebabkan oleh asas cukai yang sempit serla peningkalan pengecualian yang berlebihan. Arah aliran penurunan ini akan terus wujud melainkan langkah-langkah segera diambil bagi memperluaskan asas cukai.

STRATEGI BELANJAWAN 1992

Tuan Yang di-Pertua, dengan senario ekonomi itu, maka Strategi Belanjawan 1992 adalah menjurus ke arah;

(i) memasti pertumbuhan ekonomi yang mampan dengan harga yang slabil;

(ii) mcngukuh imbangan pcm-bayaran;

(iii) memupuk sikap cermat dan berhcmat bagi menggalakkan tabungan; dan

(iv) mcngukuh kctahanan ekonomi negara.

I. MEMASTIKAN PERTUMBUHAN MAMPAN

Kerajaan akan meneruskan usaha meningkatkan pelaburan supaya ekonomi berkembang pcsat. Justeru itu, saya bercadang tncneruskan langkah-langkah mcwujudkan satu sistem per-cukaian yang setanding dengan negara-negara lain. Ini akan memastikan keupayaan sistem percukaian untuk menampung pembangunan infrastruktur dan pembiayaan perkhidmatan awam. Belanjawan 1989 telah memperkenalkan penyusunan semula sistem cukai bagi memperbaiki hasil dan mewujudkan iklim pelaburan yang sesuai. Saya bercadang untuk mcneruskan rancangan tcrsebut.

Kajian Semula Galakan Pelaburan

Beberapa jenis galakan cukai telah disediakan untuk menarik pelaburan di sektor swasta terutamanya sektor industri. Dasar tcrsebut amat berjaya

menarik pelaburan termasuk dari luar negeri. Namun, tahap pencapaian ekonomi kini menuntut kila menilai semula dasar ini. Keutamaan kita sekarang ialah memilih jenis pelaburan yang bermodal intensif dan berieknologi tinggi. Selain daripada mengkaji keperluan mcmcnuhi permintaan dalam negeri, kita memerlukan industri-industri yang mampu bersaing di pasaran antarabangsa.

Galakan taraf perintis dan elaun cukai pelaburan adatah antara dasar utama fiskal yang lelah membawa transformasi dari ekonomi yang berasaskan pertanian dan sektor tradisional kepada sektor moden. Di bawah peraturan sekarang, syarikat taraf perintis tidak mcmbayar sebarang cukai, walaupun menikmati pelbagai kemudahan awam dan infrastruktur yang disediakan oleh Kerajaan. Galakan berlebihan yang berterusan akan memanja dan mengurangkan kecekapan syarikat dan melambatkan kcmunculan syarikat yang berdaya saing. Dengan ini saya bercadang meminda galakan taraf perintis dan galakan lain seperti elaun cukai pelaburan, pcngurangan pendapatan larasan dan elaun eksport:

(i) syarikat yang memohon dan diberi galakan taraf perintis pada atau selepas Hari Belanjawan tidak akan dikecualikan daripada cukai ke atas semua keuntungannya. Syarikat ini akan dikenakan cukai ke atas 30 pcratus daripada jumlah pendapatan berkanun;

(ii) lanjutan tempoh taraf perintis tidak akan dibcri kepada syarikal yang memohon taraf perintis pada atau selepas Hari Belanjawan;

(iii) syarikat yang memohon dan diberi elaun cukai pelaburan pada atau selepas Hari Belanjawan layak menerima elaun cukai pelaburan sebanyak 60 peratus berdasarkan perbelanjaan modal yang layak. Pada masa ini kadar maksimumnya ialah 0 peratus. Saya juga mencadangkan jumlah elaun yang akan dikecualikan bagi satu tahun taksiran adalah tertakluk kepada maksimum 70 peratusdaripadapendapatan berkanun syarikat. Elaun yang tidak terpakai boleh dibawa ke lahun taksiran berikutnya;

(iv) berkuatkuasa pada Hari Belanjawan, taraf perintis atau elaun cukai pelaburan tidak akan diberi kepada syarikat yang telah atau yang sedang menikmati taraf perintis atau elaun cukai pelaburan bagi aktiviti dan keluaran yang sama;

(v) mulai tahun taksiran 1993, galakan pengurangan untuk prestasi eksport adalah berdasarkan pendapalan berkanun dan bukan pendapatan larasan syarikat. Galakan ini akan hanya diberi kepada syarikat yang dimiliki 70 peratus oleh rakyat Malaysia dan perniagaan mereka terletak di Kawasan Utama Kastam;

(vi) mulai dari lahun taksiran 1993, elaun eksport yang diberi kepada syarikat perdagangan yang mengeksport keluaran yang dikilang di Malaysia dan pengeksport keluaran pertanian akan dihadkan kepada syarikat yang dimiliki 70 peratus oleh rakyat Malaysia dan perniagaan mereka terletak di Kawasan Utama Kastam; dan

(vii) skim-skim galakan pengurangan pendapatan yang lain lermasuk penggunaan bahan asli tempatan dalam keluaran yang dieksport di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 akan dimansuhkan mulai tahun taksiran 1993.

Galakan cukai yang lain termasuk elaun pelaburan semula bertujuan untuk menggalakkan syahkat yang sedang beroperasi melabur semula, akan dikekalkan. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menggalakkan syarikat terus melabur.

Pindaan yang dicadangkan ini, adalah bertujuan mcmbantu peralihan kepada industri yang mempunyai kandungan import yang rendah, nilai ditambah yang tinggi, modal intensif dan teknologi canggih; di samping memperkukuhkan lagi pertalian perindustrian serta meningkatkan kemampuan eksport negara. Sebagai permulaan, senarai keluaran dan aktiviti yang digalakkan telah pun diselaraskan dan ianya akan terus dikaji dari semasa ke semasa bagi memastikan scnarai tersebut mencerminkan dasar perindustrian sekarang.

Bagaimanapun, Kerajaan akan memberi pertimbangan khas pelepasan cukai tambahan secara kes demi kes untuk sebilangan kecil projek strategik yang mempunyai kepentingan nasional. Projek-projek ini mestilah melibatkan pelaburan modal intensif dan teknologi tinggi.serta dapat mewujudkan pertalian meluas dan memberi impak ke atas ckonomi negara.

Sebenarnya pelabur-pelabur lertarik bukan sahaja kepada galakan fiskal tetapi juga pada kestabilan politik, gunatenaga terlatih danberdisiplinserta lain-lain galakan bukan fiskal. Jusleru itu, Kerajaan akan lerus mengekalkan dasar liberal berhubung dengan pemilikan ekuiti, pengambilan pekerja dan pegawai asing, penubuhan sekolah untuk anak-anak pegawai dagang dan lain-lain kemudahan. Pakej galakan tersebut cukup menarik dan Kementerian Perdagangan Antara-bangsa dan Industri telah memainkan peranan utama dalam memastikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan utama rantau ini.

Mengurangkan Kadar Cukai Pembangunan

Dalam Belanjawan 1989, Kerajaan telah mengumumkan pemansuhan cukai pembangunan 5 peratus secaraberansur-ansur untuk individu dan syarikat. Untuk menjadikan sistem percukaian kita lebih kompetitif, saya mencadangkan supaya cukai pembangunan dikurangkan daripada 3 peratus kepada 2 peratus bagi tahun taksiran 1992. Memandangkan bahawa cadangan tersebut mengambil kira pembaharuan menyeluruh dalam sistem galakan cukai, saya juga berhasrat untuk memansuh terus cukai ini mulai tahun taksiran 1993.

Syarikat Modal Usahaniaga

Tuan Yang di-Pertua, sektor industri telah mula menerokai bidang teknologi tinggi yang dikira sebagai asas kekuatan ekonomi di masa hadapan. Belanjawan 1989 telah memperkenalkan galakan untuk pelaburan yang berisiko tinggi, berteknologi baru dan canggih. Untuk menjadikan galakan itu lebih menarik kepada para syarikat modal usahaniaga, saya mencadangkan pakej galakan sekarang diperluas seperli berikui:

(i) membenarkan perbelanjaan syarikat modal usahaniaga (venture capital company, dcngan izin) yang lidak diserap dibawa ke lahun taksiran berikutnya;

(ii) sebarang kerugian dari pelupusan saham dalam sesuatu syarikat usahaniaga atau pembubaran syarikat usahaniaga akan dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan agregat atau pendapatan berjumlah syarikal modal usahaniaga; dan

(iii) keuntungan yang bersabit dengan pelupusan saham dalam sesebuah syarikat usahaniaga akan diberi pengecualian cukai untuk tempoh yang lebih lama iaitu dari dua (2) tahun kepada tiga (3) tahun

selepas tarikh syarikat usahaniaga berkenaan disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Galakan untuk Ibu Pejabat Operasi

Dalam Belanjawan 1989 galakan untuk penubuhan Ibu Pejabat Operasi (IPO) telah diperkenalkan. Pendapatan IPO daripada penyediaan perkhidmatan yang layak adalah dikenakan cukai pada kadar konsesi sebanyak 10 peratus. Untuk menjadikan Malaysia lebih menarik bagi penempatan IPO, saya mencadangkan Akta berkaitan dipinda supaya pendapatan selepas cukai syarikat IPO boleh diagihkan kepada pemegang saham scbagai dividen dikecualikan cukai.

Pengecualian Duti Setem

Saya mencadangkan agar duit setem ke atas bil pertukaran, bil muatan, resit dan suratcara pindah milik bagi tanda niaga dan hakcipta dimansuhkan, Saya juga mencadangkan agar duti setem ke atas suratcara pindah milik bagi rumah kos rendah diturunkan dari jumlah maksimum 320 ringgit kepada lidak melebihi 100 ringgit untuk pembelian rumah baru. Langkah ini dijangka akan meringankan beban rakyat dan mengelakkan kerenah pentadbiran.

Perutnahan

Kerajaan peka dengan keluhan orang ramai mengenai perumahan, terutama keengganan beberapa institusi kewangan untuk terus memberi pinjaman perumahan bagi rumah-rumah yang berharga kurang daripada 100 ribu ringgit, atas alasan bahawa kadar faedah maksimum sebanyak 9 peratus setahun adalah tidak menguntungkan. Untuk tujuan itu, Bank Negara akan memperkenalkan semula garispanduan untuk dipenuhi oleh setiap institusi kewangan, selaras dcngan hasrat Kerajaan membantu golongan yang berpendapatan rendah dapat memiliki rumah. Kerajaan juga telah menetapkan bahawa kadar faedah maksimum sebanyak 9 peratus yang dikenakan sekarang tidak akan diubah.

Pencarum-pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang membcli rumah kos rendah tetah mengemukakan permohonan supaya dibenar mengeluarkan sebahagian daripada wang caruman mereka bagi membiayai perbelanjaan sampingan seperti bayaran guaman, insurans dan sebagainya. Kerajaan lelah bersetuju supaya pencarum yang lelah pun mempunyai pinjaman perumahan keseluruhannya dari punca lain dibenar mengeluarkan caruman KWSP setakat 10 peratus dari harga rumah bagi perbelanjaan sampingan tersebut. Walau bagaimanapun, kemudahan ini akan hanya dihadkan kepada pencarum yang membeli rumah kos rendah.

Kerajaan juga sedang meneliti peraturan yang menghadkan pengeluaran oleh mereka yang ingin membeli rumah kos sederhana dan tinggi di tahap 20 ribu ringgil.

Untuk memulihkan beberapa projek perumahan, Tabung Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai telah meluluskan bantuan kewangan berjumlah 253.3 juta ringgit yang melibatkan 19,322 unit rumah. Tindakan akan diambil untuk menyegerakan pelaksanaan seterusnya.

Memperluaskan Asas Cukai **Perkhidmatan**

Tuan Yang di-Pertua, cukai perkhidmatan 5 peratus telah diperkenalkan pada lahun 1975 dengan skop terhad meliputi beberapa barangan, perkhidmatan dan tempat-tempat tertentu sahaja terutama berkaitan dengan industri perhotelan dan pelancongan.

Saya berpendapat telah sampai masanya skop cukai ini diperluas kepada beberapa perkhidmatan yang dinikmati oleh kalangan berpendapatan tinggi. Perlu ditegaskan bahawa langkah meluaskan liputan ini tidak akan membebankan golongan berpendapatan rcndah. Saya mencadangkan supaya cukai dikena ke atas perkhidmatan yang disediakan oleh firma-firmaguaman, arkilek, akauntan, juruukur, jurutera, hospital persendirian dan lain-lain firma juru perunding yang mempunyai jumlah perolehan jualan tahunan sebanyak 300 ribu ringgit ke alas; firma pengiklanan yang mempunyai jumlah perolehan jualan tahunan sebanyak 500 ribu ringgit dan ke atas; dan agen-agen penghantaran serta pusat-pusat servis dan pembaikan kerela yang mempunyai jumlah perolehan jualan tahunan tidak kurang daripada 150 ribu ringgit. Cukai pusat servis ini akan dikenakan pada komponen perkhidmatan atau servis sahaja dan hanya akan melibatkan pusat dan pengusaha yang besar dan dilesenkan sahaja. Pengusaha dan pusat servis kecil tidak perlu bimbang. Bagi syarikat-syarikat insurans pula, cukai akan dikenakan ke atas jumlah premium tahunan yang dipungut daripada semua pertubuhan perniagaan. Premium bagi orang perseorangan adalah dikecualikan.

Levi Ke Atas Pekerja Asing

Sebagai langkah untuk mengatasi masalah kekurangan pekerja di sektor-sektor perkilangan, pembinaan dan perladangan, Kerajaan lelah mengumumkan baru-baru ini dasar mengenai pengambilan pekerja asing ke negara ini. Untuk mengelakkan majikan dari terlalu bergantung kepada pekerja-pekerja asing, saya mencadangkan untuk mengenakan levi di antara 360 ringgit hingga 2,400 ringgit seiahun ke atas setiap pekerja asing termasuk pegawai asing. Pengenaan Ievi ini akan menjadikan majikan lebih berwaspada dalam mengambil pekerja asing uniuk menentukan supaya peluang pekerja tempatan tidak tergugat.

Kestabilan Harga

Tuan Yang di-Pertua, meskipun paras inflasi kita masih rendah, tetapi ia lidak holeh dibiarkan merosot sehingga menjadi masalah yang berpanjangan, Kerajaan menggunakan instrumen fiskal dan kewangan bagi membendung inflasi kepada paras serendah yang boleh. Tetapi inflasi akan berlaku apabila permintaan melampaui penawaran dan dalam ekonomi yang pesat membangun permintaan seing kali berkembang lebih awal dari penawaran.

Strategi Kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut ialah mengamalkan dasar cermat dan berhemat dalam perbelanjaan. Keulamaan dalam menyediakan peruntukan diberikan kepada projek-projek produktif sahaja, terulamanya projek untuk mengurangkan kesesakan infrastruktur, memperbaiki kemudahan pendidikan dan kesihatan serta menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat. Ketika yang sama, daya pengeluaran perlu ditingkatkan. Penambahan pcngcluaran makanan adalah penting memandangkan kenaikan harga makanan, terutamanya kenaikan harga ikan dan sayuran, adalah komponen terbesar dalam kenaikan Angkatunjuk Harga Pengguna. Pertambahan pengeluaran makanan dalam negeri juga boleh mengurangkan import makanan dan menjimatkan tukaran asing. Langkah Kerajaan-kerajaan negeri menyediakan kawasan tanah secukupnya bagi pengeluaran bahan-bahan makanan seperti buah-buahan dan sayur-sayuran wajar ditingkalkan.

Baru-baru ini, Bank Negara Malaysia telah melaksanakan beberapa langkah kewangan untuk mengurangkan mudah tunai yang berlebihan dalam sistem bank bagi meredakan peningkatan yang pesat dalam perbelanjaan penggunaan dan mengawal keadaan inflasi. Tindakan tcrsebut lelah berjaya mengurangkan pertumbuhan bekalan wang kepada 14.7 peratus di akhir bulan Ogos tahun ini,

berbanding dengan 18.2 peratus di akhir tahun 1990. Ekoran dari tindakan tersebut, kadar faedah telah meningkat sedikit selaras dengan pengurangan hckalan wang ke tahap yang bersesuaian dengan pertumbuhan ekonomi, dan oleh itu sudahpun memberi kesan yang diharapkan dan memenuhi matlamatnya termasuk usaha meningkatkan tabungan. Kadar faedah juga dijangka akan menjadi stabil di sekitar tahap sekarang, lebih-lebih lagi memandangkan tekanan kadar faedah di peringkat anlarabangsa juga telah berkurangan.

Tekanan inflasi yang menurut perkiraan 9 bulan pertama tahun ini mencalat 4.4 peratus, juga disebabkan oleh faktor psikologi iaitu anggapan bahawa harga akan naik dalam masa yang singkat. Gejala ini boleh diatasi dengan meluaskan kesedaran pengguna. Kerajaan telah bersetuju untuk mengadakan peruntukan sewajarnya di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bagi mempergiatkan lagi aktiviti untuk meningkat penguatkuasaan dan kesedaran kepenggunaan. Ini akan dilaksanakan melalui Majlis Penasihat Perlindungan Pengguna dan persatuan-persatuan pengguna dan Majlis-majlis peringkat negeri dan daerah.

Peruntukan Belanjawan 1992

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan Strategi Belanjawan 1992, saya mencadangkan sejumlah 45.447 bilion ringgit diperuntukkan bagi Belanjawan 1992. Daripada jumlah ini, sebanyak 33.925 bilion ringgit adalah untuk perbelanjaan mengurus manakala sebanyak 11.522 bilion ringgit untuk perbelanjaan pembangunan.

Anggaran perbelanjaan Kerajaan Persekutuan bertambah sebanyak 6.973 bilion ringgit atau 18.1 peratus jika dibandingkan dengan peruntukan asal sebanyak 38.474 bilion ringgit bagi tahun 1991. Anggaran ini termasuk peruntukan bagi pembayaran tunggakan dan gaji di bawah Sistem Saraan Baru untuk kakitangan perkhidmatan awam yang melibatkan perbelanjaan sebanyak 2.9 bilion ringgit.

Perbelanjaan Mengurus

Daripada peruntukan sebanyak 33.925 bilion ringgit uniuk perbelanjaan mengurus sebanyak 10.004 bilion ringgit adalah unluk perbelanjaan Emolumen. Di samping itu, sejumlah 2.091 bilion ringgit disediakan dalam Kumpulan Wang Luarjangka di bawah Kementerian Kewangan untuk bayaran tunggakan dan bantuan kewangan kepada Kerajaan-Kerajaan negeri bagi pelaksanaan gaji baru.

Kerajaan memperkenalkan Sistem Saraan Baru sebagai menghargai dedikasi dan sumbangan sektor awam dan kesabaran mereka menunggu selama 10 tahun. Jumlah yang diperuntukkan adalah besar kerana melibatkan bilangan yang ramai. Tetapi ianya tidak melebihi had pcruntukan yang telah ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Kebimbangan kita hanyalah bahawa jumlah yang begitu besar yang memasuki sistem ekonomi mungkin mempunyai kesan ke alas inflasi. Adalah diharapkan agar sebahagian dari tunggakan digunakan uniuk menabung dan melabur dan tidak berbctanja dengan boros seperli membeli kereta baru, rumah baru atau mengambil isteri baru. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada kesemua kesaluan sekerja perkhidmatan awam di atas seruan mereka supaya kakitangan awam turut menabung.

Peruntukan yang disediakan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan berjumlah 3.923 bilion ringgit dan ini merupakan pertambahan sebanyak 476 juta ringgit atau 13.8 peratus daripada peruntukan asal 1991. Sebahagian besar daripada pertambahan ini adalah bagi menampung keperluan penyeleng-garaan, pembelian bahan-bahan dan

sewaan. Peruniukan yang disediakan bagi perbelanjaan di bawah Aset adalah berjumlah 376 juta ringgii.

Peruntukan yang disediakan bagi Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap adalah sebanyak 18.867 bilion ringgit. Peruntukan ini termasuk sumbangan sebanyak 500 juta ringgit kepada Tabung Pencen, 7.897 bilion ringgit untuk bayaran khidmat hutang negara, dan 10.47 bilion ringgit untuk pemberian kepada badan-badan berkanun, sumbangan kepada kumpulan wang terkanun serta biasiswa dan subsidi.

Kementenan-kementerian Pendidikan, Pertahanan, Kewangan, Dalam Negeri dan Kesihatan serta Jabatan Perdana Menteri masing-masing akan diberi peruntukan melebihi 1 bilion ringgit untuk membiayai perbelanjaan mengurus. Kementerian Pendidikan diberi peruntukan sebanyak 6.7 bilion ringgit iaitu merupakan pertambahan 1.142 bilion ringgit atau 20.5 peratus melehihi peruntukan 1991. Pertambahan peruntukan ini adalah untuk membiayai pertambahan emolumen, penyelenggaraan bangunan serta pemberian kepada sekolah dan institusi pendidikan tinggi. Sejumlah 2.819 bilion ringgit iaitu pertambahan sebanyak 12.8 peratus berbanding dengan peruntukan 1991 disediakan untuk Kementerian Pertahanan bagi membiayai emolumen, pernbelian alat ganti dan penyelenggaraan aset-aset seperti kenderaan, kapal dan pesawat bagi Angkatan Tentera Malaysia.

Sebanyak 2.666 bilion ringgit adalah bagi menampung perbelanjaan mengurus Kementerian Kewangan. Jumlah ini merupakan pengurangan 383 juta ringgit atau 13 peratus berbanding dengan peruntukan lahun 1991. Pengurangan ini adalah disebabkan Kerajaan tidak lagi menanggung subsidi harga petroleum dan pampasan kepada Kerajaan Negeri Sclangor bagi penubuhan Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan.

Kcmcmerian Dalam Negcri diperuntukkan sebanyak 1.8 bilion ringgit iaitu merupakan pertambahan 12.3 peralus berbanding dengan 1991. Selain daripada membiayai perbelanjaan untuk program rawatan dan pemulihan dadah, pertambahan ini adalah juga memenuhi keperluan Polis Diraja Malaysia dan Jabaian Penjara. Kcrajaan akan memberi peruntukan sebanyak 1.663 bilion ringgit kepada Kementerian Kesihatan iaitu pertambahan 15 peratus daripada 1991, di dalam usaha untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan rawatan seperti kardiologi, urologi, ENT dan neuro-surgeri, dan pembelian ubat serta kemudahan-kemudahan tambahan untuk hospital. Jabatan Perdana Mcnlcri diberi pcruntukan scbanyak 1.236 bilion ringgit iaitu pertambahan 7.7 peratus daripada peruntukan 1991 untuk menampung perbelanjaan seperii biasiswa, banluan uniuk kelas-kelas pengajian Islam. Pcruntukan mi juga adalah untuk membiayai penubuhan Institiut Diplomatik dan Perhubungan Antarabangsa.

Perbelanjaan Pembangunan

Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang memperuntukkan sebanyak 11.522 bilion ringgit untuk perbclanjaan pembangunan. Daripada peruntukan ini, sejumlah 5.579 bilion ringgit aiau 48.4 peratus adalah untuk sektor ekonomi, 2.972 bilion ringgit atau 25.8 peratus untuk sektor sosial, 2.012 bilion ringgit atau 17.5 peratus uniuk sektor keselamatan dan 459 juta ringgit atau 4 peraius untuk perkhidmatan am. Baki scjumlah 500 juta ringgit adalah untuk Simpanan Luar Jangka.

Pengangkutan

Penekanan yang berterusan akan diberi kepada peningkatan keupayaan sistem pengangkutan dan perhubungan. Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Pengangkutan akan melaksanakan projek berjumlah 1.975 bilion ringgit

atau 17.1 peratus daripada keseluruhan anggaran perbclanjaan pembangunan.

Bagi meningkatkan lagi sistcm pengangkutan darat, sebanyak 1.42 bilion ringgit disediakan untuk pembaikan dan pembinaan jalan raya serta jambatan. Keretapi Tanah Melayu, diberikan 230 juta ringgit. Projek landasan kedua dijangka siap pada tahun 1993. Beberapa projek bagi meningkatkan kemudahan penerbangan awam sedang dilaksanakan. Ini termasuk projek meredakan kesesakan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dan perkhidmatan juruperunding bagi menjalankan kajian pelan induk lapangan lerbang antarabangsa yang baru di Sepang.

Sebanyak 193 juta ringgit disediakan bagi Sabah iaitu diantaranya, bagi melaksanakan pembinaan Jalan Besar Barat dan Timur serta Jalanraya Timur-Barat di Sabah. Bagi Sarawak, peruntukan sebanyak 263 juta ringgit disediakan bagi melaksanakan projck pembinaan jalan raya seperli Jalan Besar Utama dan Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak. Selain dari itu, peruntukan sebanyak 69 juta ringgit disediakan bagi projek pembangunan dan peningkatan kemudahan lapangan terbang di Sabah dan Sarawak.

Pendidikan

Sejajar dengan semangat pendemokrasian pendidikan, Kerajaan akan terus meningkatkan peluang dan kemudahan pendidikan. Sebanyak 1.26 bilion ringgit disediakan di bawah anggaran pembangunan Kementerian Pendidikan dan ini merupakan pertambahan sebanyak 77 peratus berbanding dengan tahun 1991. Peruntukan ini adalah selaras dengan langkah reformasi pendidikan. Ini termasuk mengadakan kemudahan pra-sekolah bagi kanak-kanak, meneruskan penekanan bagi pendidikan leknik dan vokasional, dan memperkenaikan pendidikan komputer.

Peruntukan pembangunan yang disediakan di antara lainnya, adalah untuk menyiap dan megubahsuaikan sekolah rendah dan menengah, politeknik dan maktab latihan perguruan. Sebanyak 151 juta ringgit disediakan bagi pendidikan vokasional dan teknikal dan 553 juta ringgit bagi projek pembangunan universiti.

Pendidikan dan penghayatan Islam merentasi kurikulum dalam sistem pendidikan negara. Pendidikan formal ini diperkukuh melatui usaha Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri yang melaksanakan pelbagai kegiatan tambahan termasuk melaksanakan rancangan Kelas Pengajian dan fardhu Ain serta ta'mir masjid di seluruh negara. Sejumlah 45.9 juta ringgit disediakan.

Kesihatan

Kerajaan akan terus memberi penekanan kepada peningkatan perkhidmatan kesihatan untuk kesejahteraan hidup rakyat. Untuk tujuan ini sebanyak 689 juta ringgit akan disediakan untuk perbelanjaan pembangunan di bawah Kementerian Kesihatan. Pembinaan 36 buah hospital akan diteruskan. Bagi menyiapkan pembinaan Institiut Jantung Negara yang dijangka beroperasi dalam tahun 1992, sebanyak 26 juta ringgit disediakan.

Perkhidmatan dan kemudahan kesihatan juga diperluaskan bagi penduduk desa. Sebanyak 73 juta ringgit disediakan untuk projek kesihatan desa. Kerajaan akan membina 18 buah klinik desa baru di samping meneruskan pembinaan 27 buah klinik. Hospital yang turut dibina di bandar kecil akan di manfaatkan sepenuhnya oleh penduduk desa.

Duti Rokok

Adalah mcnjadi hasrat Kerajaan untuk terus berusaha mengurangkan tabiat merokok bagi menghindarkan

kesan buruk terhadap kesihatan. Oleh itu, saya mencadangkan supaya duti import atas rokok dinaikkan diantara 54 pcratus hingga 56 peratus sekilogram dan bagi 'cigars', cerut dan 'cigarillos' dinaikkan dianlara 55 peratus hingga 65 peralus sekilogram. Duli eksais dinaikkansebanyak 0 peratus lagi.Bagi mempermudah pengurusan pungutan cukai, saya mencadangkan duti-duli tersebut dikcnakan pada kadar spesifik sahaja.

Duti Minuman Keras

Scbagai langkah untuk tidak menggalakkan rakyat meminum minuman keras, saya mencadangkan duti import ke atas minuman keras dinaikkan antara 50 peratus hingga 185 peratus. Duli eksais dinaikkan 10 peratus lagi. Untuk memudahkan pentadbiran, duti berkenaan akan diselaras dan disatukan serta dikenakan mengikut kadar spesifik sahaja.

Pertanian

Sebanyak 810 juta ringgit akan diperuntukkan di bawah Kementerian Pertanian. Kerajaan akan meneruskan banluan sebanyak 17.9 juta ringgit bagi meningkatkan kemahiran pctani dan nelayan sesuai dengan perkembangan teknologi dan penyelidikan. Sejumlah 103.9 juta ringgit diperuntukkan sebagai bantuan dan kemudahan untuk program perlanian yang diberikan dalam bentuk subsidi baja padi, bantuan pemulihan sawah terbiar dan juga bantuan bahan-bahan dan peralatan kecil. Bagi sektor perikanan, Kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak 3.8 juta ringgit untuk membiayai perbelanjaan latihan dan kursus teknikal untuk para nelayan.

Sebanyak 16 juta ringgit disediakan sebagai modal usaha di bawah MARDI untuk mengkomersilkan penemuan penyelidikan melalui projek-projek usahasama dengan sektor swasta. Kerajaan akan mengambil langkah untuk menambah pengeluaran pertanian dan ternakan di dalam Kawasan-kawasan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) dengan peruntukan sebanyak 226.5 juta ringgit.

Pembangunan Kemudahan Awam Di Desa

Kerajaan akan terus membangun kawasan desa melalui penyediaan kemudahan asas yang lcbih baik dan peningkatan laraf hidup penduduk desa. Daripada jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan sebanyak 11.522 bilion ringgit bagi tahun 1992, sebanyak 5.415 bilion ringgit adalah diperuntukkan bagi projek infrastruktur, pertanian dan perindustrian serta penyediaan kemudahan asas seperti jalan serta bekalan air dan elektrik. Dengan terlaksananya projek-projek ini, adalah dijangka 77 peratus penduduk desa akan mcnikmati kemudahan bekalan air, sementara 84 peratus pula akan menikmati kemudahan bekalan elektrik pada akhir tahun 1992. Sebahagian daripada peruntukan ini, sebanyak 1.523 bilion ringgit disediakan dibawah Kemenlerian Pembangunan Luar Bandar serta agensi di bawahnya.

Pembangunan koperasi

Koperasi merupakan jentera yang mampu menggerakkan kekuatan ckonomi masyarakat berpendapatan rendah dan sederhana. Kerajaan telah menyediakan perunlukan yang secukupnya untuk pembangunan koperasi dan baki dana sejumlah 44 juta ringgit bagi maksud tabung pelaburan akan ditambah jika perlu. Tindakan juga diambil untuk memperkukuh pengurusan dan memperkuat jentera pengembangan koperasi. Untuk terus mendukang semangat berkoperasi, saya bercadang mengurangkan kadar cukai pendapatan koperasi dengan kadar cukai terendah dikurangkan daripada 5 peratus kepada 4 peratus dan kadar yang terlinggi daripada 40 peratus kepada 35 peratus. Lain-lain kadar cukai dikurangkan diantara l hingga 5 peratus.

Pelancongan

Usaha kita untuk menggalakkan sektor pelancongan dijangka menghasilkan pertukaran wang asing sebanyak 4.639 bilion ringgit bagi tahun 1991 dan 4.745 bilion ringgit bagi tahun 1992. Kerajaan yakin potensi scktor ini bolehdipeningkatkan lagi melaluiusaha gigih Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Untuk ini, senanyak 120 juta ringgit disediakan untuk program pemasaran dan kempen pelancongan termasuk aktiviti bersempena dengan kempen Tahun Melawat ASEAN 1992. Seterusnya usaha seperti penganjuran Pamiran Antarabangsa Udara dan Maritim Langkawi (Lima) akan juga meningkatkan tarikan pelancongan dari dalam dan luar negeri. Untuk mcnambah dan memperbaiki lagi kemudahan pelancongan di negara ini Kerajaan menyediakan peruntukan pembangunan sebanyak 45 juta ringgit.

Kerajaan akan terus mengukuhkan institusi warisan budaya yang juga menarik bagi pelancong. Untuk maksud ini, bantuan akan diberikan kepada kerajaan-kerajaan negeri supaya kos pengurusan muzium-muzium negeri dapat dibiayai secara bersama antara kerajaan ncgcri dan Kerajaan Persekutuan.

Keselamatan

Kerajaan perlu membckal dan melengkapkan kepcrluan keselamatan dan pertahanan yang sesuai mengikm keadaan semasa. Sejumlah 2.012 bilion ringgit daripada anggaran perbelanjaan pembangunan dicadangkan untuk sektor keselamatan. Sebanyak 1.5 bilion ringgit ialah untuk Kementerian Pertahanan. Ini merupakan pertambahan sebanyak 13.2 peratus berbanding dcngan peruntukan tahun 1991.

Sesuai dcngan iklim polilik antarabangsa yang menuju ke arah keamanan sejagat, adalah ditegaskan bahawa penambahan perbelanjaan ini adalah semala-mata untuk alat ganti dan pemodenan perkakasan usang. Program penggantian ini termasuk pembelian di bawah Memorandum Pcrsefahaman yang dipersetujui dcngan United Kingdom, pesawat-pesawat maritim dan sebuah kapal hidroqrafi, kerja-kerja pembaikan pengkalan TUDM di Kuantan dan projek perumahan anggota tcnlera.

Daripada jumlah sebanyak 495 juta ringgit yang disediakan di bawah Kementerian Dalam Negcri, 430 juta ringgit adalah bagi pembmaan ibu pejabal dan balai polis serta perumahan untuk anggola polis. Peruntukan ini juga mcngambilkira langkah pasukan polis meningkauan latihan, mengukuh bahagian jenayah komersi) dan meningkatkan keupayaan membanieras jenayah.

Bantuan Kepada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan

Mcmandangkan bahawa sebahagian besar daripada hasil kerajaan-kerajaan negeri bergantung kepada pemberian di bawah Perlembagaan dan kadar pemberian ini telah tidak dikaji semula semenjak lahun 1976, saya bercadang untuk menambahkan pemberian kepada negeri dengan mengkaji semula kadar Pemberian Mengikut Bilangan Orang (Capitation Grant). Kajian semula yang dicadangkan ini dijangka akan melibatkan tanggungan tambahan hampir 100 peratus.

Kerajaan juga sedang menjalankan kajian yang menyeluruh mengcnai pcntadbiran pihak berkuasa tempatan dengan tujuan untuk memastikan kcberkesanan pengurusan dan kcupayaan kewangan mercka. Ini akan memboleh Kerajaan meneniukan bantuan yang diperlukan oleh pihak pcnguasa tempaian yang lidak berdaya maju. Kerajaan juga akan menambah sumbangan kepada kerajaan-kerajaan negcri di dalam pembiayaan projck pembetungan.

Perkhidmatan Penerangan

Dalam dunia yang berhadapan dengan ledakan maklumat, perkhidmatan penerangan pcrlu mengambil dimensi baru. Untuk memastikan rakyat jelata memahami dan menyertai program-program pembangunan, Kerajaan akan mempertingkatkan lagi inlrasiruktur komunikasi dengan menambahkan liputan telivisyen dan radio, terulama sekali di kawasan pendalaman. Selain daripada penerangan melalui media elektronik, infrastruktur yang membolehkan hubungan bersemuka akan lerus dibina supaya Kerajaan mendapat maklum balas dan cadangan daripada rakyal terhadap dasar dan rancangan yang dilaksanakan. Jumlah perbelanjaan pembangunan bagi tujuan ini ialah 21 juta ringgit.

Kerajaan telah bersetuju melaksanakan Projek Menara Kuala Lumpur. Anggaran kos yang terlibat sebanyak 250 juta ringgit dan dibiayai scpenuh olch scktor swasta. Menara ini akan dilengkapkan dcngan kemudahan yang canggih bagi menyediakan perkhidmatan telekomunikasi dan penyiaran untuk memenuhi kepcrluan semasa dan masa dcpan.

Hasil dan Pembiayaan Belanjawan

Keseluruhan hasil Kerajaan bagi tahun 1992 dijangka berjumlah 35.508 bilion ringgit berbanding dengan hasil yang dianggarkan sebanyak 33.607 bilion ringgit bagi lahun 1991.

Kerajaan akan memperolehi tambahan hasil scbanyak 262 juta ringgit berikutan dari perubahan cukai yang saya cadangkan dalam Belanjawan ini. Dcngan mengambilkira perubahan cukai ini, jumlah hastl dalam tahun 1992 dianggarkan sebanyak 35.770 bilion ringgil. Berasaskan perbelanjaan mengurus sebanyak 33.925 bilion ringgit, akaun semasa Bclanjawan akan menunjukkan lcbihan sebanyak 1.845 bilion ringgit berbanding dengan 2.772 bilion ringgit yang dianggarkan bagi tahun ini.

Defisit keseluruhan dijangka berjumlah 7.177 bilion ringgil atau 5.2 peratus dari KNK, berbanding dengan 6.091 bilion ringgit atau 4.9 peratus daripada KNK dalam tahun 1991. Sebahagian besar defisit ini akan dibiayai dari pinjaman dalam negeri.

II. MEMPERKUKUHKAN IMBANGAN PEMBAYARAN

Tuan Yang di-Pertua, defisil akaun semasa imbangan pembayaran tidak dapat dielakkan pada ketika ini, memandangkan negara kita sedang mengalami pertumbuhan pelaburan yang pesat. lanya masih lebih rendah daripada yang dialami pada tahun 1982 dan 1983 masing-masingnya berjumlah 14 dan 12 peratus daripada KNK. Defisit di dalam dua tahun tersebut disebabkan oleh pcngembangan sektor awam yang bcrlebihan. Ini telah mengakibatkan defisil yang besar kewangan sektor awam dan pertambahan hutang luar negara dari 10 bilion ringgit pada tahun 1980 kepada 42.3 bilion ringgit pada akhir tahun 1985. Akaun dagangan dijangka bertambah baik dalam dua atau tiga tahun akan datang selaras dengan usaha untuk mengurangkan pergantungan kepada import serta menggalakkan eksport.

Kerajaan lelah menyediakan beberapa insentif bagi meningkatkan ekspori. Usaha-usaha gigih sedang diambil bagi menerokai pasaran baru. Dalam menembusi pasaran baru keluaran eksport kita, penjualan Proton Saga perlu dijadikan contoh kerana pencapaian yang menggalakkan. Lebih kurang 13,000 kerela Proton Saga dijangka dapat dijual di United Kingdom pada tahun ini. Proton Saga kini mulai menembusi pasaran baru. Pengalaman yang sama dari sudut produktiviti dan pemasaran yang agresif perlu diteladani oleh syarikat perkitangan lain.

Defisit dalam akaun perkhidmatan imbangan pembayaran adalah besar. Walaupun defisil ini telah merosot dari 15 peratus daripada KNK pada tahun 1984 kepada 9 peraius pada tahun 1990, kita perlu berusaha dengan lebih gigih untuk mengurangkan defisit ini.

Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perkhidmatan yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri. Jawatankuasa ini akan menyelaraskan dasar-dasar berhubung dengan pembangunan sektor perkhidmatan yang berkaitan dengan imbangan pembayaran termasuk memulakan program jangka panjang yang tersusun bagi memperbaiki perkhidmatan perkapalan, menggalakkan pelaburan semula dan lain-lain perkhidmatan yang mcmpunyai potensi untuk dieksport.

Duti Atas Jongkong Emas Bukan Wang

Jumlah import jongkong emas bukan wang telah meningkat dengan banyaknya semenjak tahun 1984 apabila Kerajaan memansuhkan cukai tokok atas barangan itu. Untuk mengurangkan peningkatan import bagi barang penggunaan bukan asasi, saya mencadangkan supaya duti import sebanyak 10 peratus dikenakan ke atas jongkong emas bukan wang. Walau bagaimanapun pengeluar barang kemas yang mengeksport keluarannya akan dikecualikan dari duti ini.

Pengurangan **Perlindungan** Tarif

Bagi mempertingkatkan kecekapan dan daya persaingan sektor perkilangan dan selaras dengan dasar jangka panjang untuk mengkaji semula tahap perlindungan tarif, saya mencadangkan supaya duli import ke atas barangan bagi beberapa industri seperti tekstil, pakaian, makanan, bahan kimia dan percetakan diturunkan. Dalam masa yang sama struktur duti import ke atas bahan-bahan mentah dan komponen-komponen bagi industri lersebut juga diselaraskan. Dalam hal yang sama membolehkan pengguna membeli barangan seperti kain, pakaian dan makanan dengan harga yang lebih murah.

III. BERJIMAT CERMAT DAN TABUNGAN SWASTA

Pengurusan Kewangan Yang Berdisiplin

Tuan Yang di-Pertua, reformasi ekonomi yang dilaksanakan sejak 1986 telah meletakkan negara di atas landasan yang lebih kukuh. Sumber-sumber pertumbuhan kini lebih mantap. Hutang negara berada di peringkat yang terkawal. Kita perlu terus berusaha membina ketahanan ekonomi dan antara komponen penting ke arah ini adalah pengurusan kewangan awam yang berhemat dan berdisiplin.

Jumlah wang yang diperunmkkan kepada sektor awam adalah besar. Oleh itu, kila tidak boleh berkompromi dan mengambil sikap toJeran terhadap masalah penyelewengan dan boros dalam Kerajaan. Prinsip pertanggungjawaban (accountabilily) perlu menjadi panduan dalam pengurusan kewangan awam. Prosidur kewangan perlu dipatuhi. Kementerian dan jabatan tclah diarahkan mengkaji semula program-program bagi mengelakkan pertindihan dan pembaziran. Pengurusan akaun-akaun Kerajaan perlu diperkemaskan melalui peningkatan pengawalan odit dalaman di jabatan-jabatan.

Agensi-agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan memungut hasil seperti Jabatan Hasil Dalam Negeri, Jabatan Kaslam dan Eksais Diraja dan Jabatan Pengangkutan Jalan hendaklah melipatganda dan meniperlingkatkan usaha dan keberkesanan jentera pungutan hasil masing-masing supaya kebocoran dapat dikurangkan dan hasil bertambah.

Badan-badan berkanun diberi peruntukan besar iaitu sebanyak 1.814 bilion ringgtt bagi tahun 1991 untuk perbelanjaan mengurus. Sementara Kerajaan akan terus membantu agensi ini memenuhi tanggungjawab sosial, akan tetapi mcmandangkan mereka bergantung hampir sepenuhnya kepada Kerajaan, agensi-agensi ini tidaklah boleh terlepas daripada tanggungjawab untuk mengurus dengan berhemat bagi mengurangkan bebanan Kerajaan. Justeru itu, Kerajaan telah bersetuju supaya badan-badan berkanun menggunakan wang rezab dan dana dalaman bagi membiayai perbelanjaan mengurus. Daripada 194 juta ringgit bagi tahun 1990 yang melibatkan 23 agensi kepada 409 juta ringgit bagi lahun 1992 yang melibatkan 39 agensi.

Kerajaan akan terus mengawal pertumbuhan perkhidmatan awam supaya tidak melebihi kadar pertumbuhan 0.53 peratusbagi setiap tahun. Agensi digalakkan mengagih semula tenaga kerja. Kerajaan juga akan mengkaji semula fungsi agensi bagi mengelakkan pertindihan.

Tabungan Swasta

Tabungan isi rumahtangga merupakan komponen terbesar dalam tabungan swasta. Bagi menggcmbleng lebih banyak tabungan isi rumah saya telah mengarahkan Bank Negara Malaysia akan membenarkan bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan membuka lebih banyak cawangan di bandar kecil dan kawasan desa.

Cukai Pegangan ke atas Akaun Simpanan

Sebagai satu langkah untuk menggalakkan simpanan dan untuk membendung inflasi, saya bercadang untuk menaikkan tahap pengecualian cukai ke atas pendapatan faedah yang diperolehi dari akaun simpanan di bank perdagangan atau syarikat kewangan dari doposit berjumlah 5 ribu ringgit kepada 50 ribu ringgit. Adalah juga dicadangkan supaya pengecualian cukai ke atas pendapatan faedah yang diperolehi dari akaun simpanan di koperasi yang berdaftar, Bank Pertanian, Malaysian Building Society Bhd. dan Borneo Housing Mortgage Finance Bhd. dinaikkan dari deposit berjumlah 10 ribu ringgit kepada 50 ribu ringgit. Walau bagaimanapun, pengecualian cukai ke atas pendapatan faedah yang diterima dari akaun simpanan di Bank Simpanan Nasional dan Lembaga Urusan Tabung Haji dikekalkan.

Menghapuskan Duti Harta Pesaka

Duti harta pesaka ialah cukai yang dikenakan ke atas nilai harta yang berpindah milik disebabkan kematian. Pada masa ini, hanya harta pesaka simati yang bermastautin di Malaysia yang bernilai lebih dari 2juta ringgitdan harta pesaka simati yang tidak bermastautin di Malaysia yang bernilai lebih dari 400 ribu ringgit tertakluk kepada cukai tersebut. Walau bagaimanapun, semua harta pesaka dikehendaki mendapatkan pclepasan dari Pejabat Duti Harta Pesaka sebelum pemadbir atau pclaksana boleh mendapat surat pemadbiran. Keadaan ini menyusahkan, dan menyebabkan kelewatan mereka yang mengurus harta pesaka tersebut. Saya mencadangkan supaya duti harta pesaka dihapuskan.

Pengecualian Cukai Ke Atas Bon Korporat

Pada masa ini, hanya pendapatan faedah yang diperolehi oleh individu yang memegang Sekuriti Kerajaan Malaysia dikecualikan dari cukai pendapatan. Untuk menggalakkan lagi simpanan di kalangan individu dalam bentuk pelaburan di dalam bon korporat, dan sebagai satu langkah untuk memperluaskan pasaran modal dan menggalakkan urusniaga di dalam bon tersebut, saya mencadangkan supaya faedah yang diterima oleh individu dari bon korporat yang dikeluarkan oleh

syarikat awam yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, selain dari stok pinjaman yang boleh ditukar kepada saham ekuiti, dikccualikan dari cukai pcndapatan.

Penswastaan

Pens wastaan akan lerus menjadi dasar utama bagi mengurangkan beban kewangan kerajaan dan menjadikan ekonomi keseluruhannya lebih berdaya saing. Tp kita juga menegaskan bahawa pendekatan kita terhadap penswastaan adalah mengimbangkan keuntungan dan kecekapan dengan tanggungjawab sosial.

Adalah amat membanggakan bahawa kejayaan ncgara melaksanakan projek-projck pcnswastaan telah mendapat sanjungan dan pengiktirafan dari negara-negara asing. Scmcnjak dasar pen-swastaan dilaksanakan, sejumlah 40 projck tclah diswastakan dcngan jayanya. Projek-projek baru yang akan diswastakan termasuk pengapongan saham Proton dan penswastaan Keretapi Tanah Melayu, Jabatan Penerbangan Awam, Jabatan Perkhidmatan Pos, dan Pelabuhan-Pelabuhan Bintulu, Klang dan Pulau Pinang. Kerajaan telah juga memutuskan untuk menyenaraikan saham Tenaga Nasional Berhad di Bursa Saham Kuala Lumpur pada bulan Mei 1992.

Pembangunan Pasaran Modal

Minat pelabur dalam dan luar negeri terhadap pasaran modal kita kian meningkat. Meskipun perkembangan ini menggalakkan, tetapi ruang untuk pembaikan masih luas. Langkah-langkah akan diambil bagi menggalak-kan perkembangan pasaran bon terutamanya pasaran surat jaminan hutang swasta.

Kerajaan akan memperkenalkan dagangan masa hadapan kewangan. "Kuala Lumpur Options and Financial futures Exchangc" (KLOFFE) pada tahun hadapan.

Pasaran modal lempalan akan berkembang, menjadi lebih, Kita mahukan pasaran yang mempunyai kredibiliti, memiliki imej yang baik dan mendapat keyakinan dari para pelabur. Justeru itu, perkembangan pasaran tersebut perlu terarah dan terkawal. Pada masa ini, pengawalan ke atas modal dikendalikan oleh beberapa agensi. Kerajaan akan menyusun semula badan-badan yang mentadbir dan menyelaras pasaran modal melalui penubuhan sebuah badan pengawal-Suruhanjaya Sekuriti. Suruhanjaya ini akan ditubuhkan tahun hadapan akan diberi ruang dan kuasa yang secukupnya bagi mengawasi pasaran dengan berkesan.

Kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah tegas untuk memasti-kan pertumbuhan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang stabil melalui dasar perbadanan, syarat modal secukupnya agar syarikat-syarikat ahli BSKL memiliki kekuatan modal dan diurus secara profesional. Untuk menjamin keyakinan pelabur terhadap BSKL, para pelabur perlu mematuhi etika pcrdagangan yang maksimum.

Para pelabur perlu bersifat positif dan pclaburan perlu berasaskan "fundamentals" ekonomi, prestasi syarikat dan bukannya khabar-khabar angin. Arus dagangan di BSKL perlu menarik minat pengurus dana asing. Walau bagaimanapun, pengurus dana institusi tempatan sudah mempunyai kekuatan dan modal mencukupi untuk memberikan pimpinan dan sokongan kepada dagangan.

Labuan-IOFC

Kemajuan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pcsisir Antarabangsa (IOFC) telah berjalan dengan memuaskan. Sejumlah 20 syarikat luar pesisir, 3 buah bank dan sebuah syarikat insurans telah menjalankan aktiviti di Labuan. Lembaga Pembangunan Labuan akan ditubuhkan, dan satu rang

undang-undang untuk mcmbolehkan Lembaga diwujudkan akan diben-tangkan di Dewan ini di scssi persidangan sckarang.

IV. KETAHANAN EKONOMI NEGARA

Tuan Yang di-Periua, Strategi Belanjawan juga dirangka uniuk membantu usaha pembinaan ketahanan ckonomi negara. Ketahanan ekonomi dan kctahanan negara adalah dua matlamat yang rapat berkail, Kejayaan ckonomi tidak akan bcriahan lama tanpa komitmcn untuk berjaya yang berterusan.

Latihan Kemahiran

Perkembangan scktor pcrkilangan dan pembinaan yang pesat memerlukan kita memperkukuhkan keupayaan institusi latihan. Program latihan kemahiran yang kini dikcndali mclalui Kementenan Sumber Manusia, Kemenlerian Pendidikan, Kcmenterian Bclia dan Sukan dan Kemenierian Pcrusahaan Awam akan diterus dan diselaraskan dan didukung. Pcrunlukan scbanyak 249 juta ringgit discdiakan untuk tujuan tersebul. Selain dari iiu, program latihan juga dikendalikan olch beberapa bank, MARA, SIRIM, Pusat Daya Pcngeluaran Ncgara, INTAN dan lain-lain.

Jawalankuasa Kabinet Mengcnai Latihan juga lelah memperakukan langkah-langkah mcningkatkan mutu lalihan dan keterampilan. Ini akan dilakukan melalui pembiayaan bersama Tabung Pcmbangunan Sumber Manusia dan Kerajaan akan menyumbang scbanyak S14 juta sctahun selama 3 tahun.

Membina Masyarakat Usahawan Rumiputera

Di antara kelemahan ketara yang dikenalpasli dalam menilai keber-kcsanan Dasar Ekonomi Baru ialah usaha melahir pengurus dan pengusaha bumiputera yang berjaya. Justeru itu, usaha meningkalkan latihan dalam disiplin termasuk penekanan di bidang amali turut dititikberatkan.

Pcnubuhan Perbadanan Usahawan Nasional Bcrhad (PUNB) yang akan beroperasi penuh mulai tahun 1992 mencerminkan kesungguhan Kerajaan dalam melahirkan usahawan Bumiputera. PUNB akan mengambil pendckatan menyeluruh, mencakupi kemahiran, perniagaan, pengurusan, persoalan sikap dan nilai-nilai positif.

Kcgiatan PUNB akan diselaraskan dengan penubuhan "Tabung Industri Bumiputera" untuk membantu Bumiputera yang berkecimpung dalam industri kecil dan sederhana (IKS).

Scbagai pcrmulaan, labung tcrsebul akan dikhususkan untuk penyertaan pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana Bumipulera yang mengikuti skim payung untuk menjamin keberkesanan pelaksanaan labung terscbut. Kerajaan juga mengiktiraf sumbangan golongan pcnjaja dan peniaga kecil yang memberikan perkhidmalan peniing kepada masyarakat. Untuk maksud ini, peruntukan sebanyak 12.4 juta ringgit akan disediakan bagi membina gcrai dan baza serta mcngadakan kursus dan latihan.

Penyelidikan dan Pembangunan (R& D)

Scjumlah 138 juta ringgit discdiakan untuk kcgiatan penyclidikan dan pembangunan (R & D). Dari jumlah lersebut sebanyak 58 juta ringgit diperuntukkan di bawah sektor pertanian, 43 juta nnggit untuk sektor perindustrian dan disalurkan melalui institusi-institusi penyelidikan, di bidang kaji logam dan seramik, reka bentuk dan kejuruteraan, komputer dan hubungan serta bidang sinaran dan radioaktif.

Sukan

Prestasi sukan negara telah meningkat. Justeru itu, kerana sambutan dan penyertaan rakyat begitu meluas terhadap pelbagai acara sukan, kiia telah memperhebatkan usaha supaya Sukan Komanwel diadakan di Kuala Lumpur. Selain dari itu, pelbagai latihan bakal sukan peringkat kebangsaan dan aniarabangsa diperkemas dan kemudahan untuk tujuan tersebut ditambah. Kerajaan akan menyediakan peruntukan sebanyak 43 juta ringgit bagi pembinaan dan peningkatan kcmudahan sukan.

Program Belia

Kementerian Belia dan Sukan diberi peruntukan sebanyak 23 juta ringgii unluk membiayai program belia.

Masyarakat Berilmu

Bagi membolehkan masyarakat Malaysia turut bergiat dalam perlumbaan ilmu, saya mencadangkan pengecualian cukai ke atas royalti bagi semua hasil karya penulis dinaikkan daripada 6,000 ringgit kepada 12,000 ringgit. Saya juga mencadangkan pengecualian bagi pendapatan yang diterima daripada terjemahan buku dan hasil karya sastera dinaikkan daripada 3,000 ringgit kepada 6,000 ringgit. Pengecualian ini tertakluk kepada kelulusan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Peguam Negara.

Pembinaan masyarakat berilmu dan budaya ilmu tidak tengkap jika semua disiplin ilmu, baik yang klasik mahupun moden, tidak diterjemahkan ke Bahasa Melayu.

Bagi tujuan ini, saya mencadangkan peruntukan permulaan 5 juta ringgit kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mewujudkan Biro Terjemahan. Pihak Dewan juga akan menyelaraskan projek penerbitan syarikat-syarikat korporat.

Program Pembangunan Wanita

Kaum wanita juga telah memberikan sumbangan besar sekali terhadap pembangunan negara. Bahkan dalam profesion tertentu seperti perguruan dan jururawat, negara adalah bergantung kepada sumbangan kaum wanita. Kerajaan ingin meluaskan penyertaan mereka. Pusat Sumber Maklumat Wanita bagi merancang program latihan kemahiran teknikal, pengurusan dan keusahawanan akan ditubuhkan. Ini adalah tambahan kepada program pembangunan wanita yang disediakan oleh pclbagai agensi.

Program Bina Negara

Program latihan khas telah dirangka untuk melahirkan manusia baru Malaysia seperti yang dinukilkan dalam Wawasan 2020. Jabatan Perdana Menteri akan memulakan Program Bina Negara untuk memupuk semangat patriotisme, serta komitmen terhadap nilai-nilai murni dan positit di kalangan rakyat. Peruntukan sebanyak 24 juta ringgitdisediakan bagi pembinaan 7 kem bina semangat, di samping 4 kem lain yang sedang dalam pembinaan.

Masyarakat Penyayang

Kerajaan sentiasa memberi penekanan kepada keperluan memupuk masyarakat penyayang. Sebanyak 19.6 juta ringgit diperuntukkan kepada pusat-pusat masyarakat untuk meningkatkan mutu perkhidmatan bagi memberi perlindungan kepada kanak-kanak, para remaja dan orang-orang tua. 25 juta ringgit peruntukan bagi Program Bimbingan Kekeluargaan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan 6.8 juta ringgit kepada Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri untuk kegiatan bagi memperingkatkan lagi ikatan kekeluargaan dan mencegah masalah sosial seperti penagihan dadah dan penganiayaan kanak-kanak.

10 juta ringgit disumbang oleh Kerajaan dan 40 juta ringgit oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk menubuhkan tnstitut latihan kesclamatan dan kesihatan pekerja. Inslitut ini dijangka bcroperasi dalam tahun 1992.

Beberapa langkah pcrcukaian telah diperkenalkan dalam Bclanjawan tahun lepas bagi mcringankan tanggungan orang cacat dan tidak bcrupaya. Bagi mcneruskan bantuan kepada mereka, saya mcncadangkan supaya:

(i) alat-alat keperluan yang disediakan oleh majikan untuk mcmbantu pekerja-pekerja cacat dalam mcnjalankan tugas mereka akan dibenarkan scbagai pclepasan cukai sepenuhnya dalam tahun di mana per-bclanjaan itu dilakukan;

(ii) pelepasan cukai akan dibcri kepada indwidu yang mcmbeli alat keperluan unluk diri mereka, isteri mercka, bukan istcri-isteri mcreka, ibu bapa mercka atau anak-anak mercka yang cacat, sehingga jumlah maksimum 3,000 ringgit pada tahun asas; dan

(iii) pclepasan cukai bagi anak cacat akan dinaikkan dari 1,000 ringgit kcpada 1,600 ringgit.

Bantuan Untuk Golongan Pakir

600 juta ringgit telahpun diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Keenam untuk membiayai program-program bagi golongan fakir atau akyai termiskin. Bagi tahun 1992, peruntukan sebanyak 128 juta ringgit akan disediakan di bawah beberapa Kementerian bagi lujuan tcrsebut.

Pemuliharaan Alam Sekitar

Dengan inisiatif Perdana Menteri, Deklarasi Langkawi lelah diabadikan sebagai lambang komitmen kita terhadap pemuliharaan alam sekitar. Kerajaan tclah mcwajibkan Penilaian Impak Alam Sckitar (EIA) bagi setiap projek pembangunan. Beberapa galakan telah diberi kepada projek pengurusan buangan sisa toksid dan pcnggunaan semula bahan yang lerbuang termasuk kertas. Pengecualian cukai kastam dan cukai jualan juga diberikan kc atas alat kclengkapan yang menyerap pencemaran bagi sektor perkilangan.

Sebanyak 26 juta ringgit lambahan peruntukan disediakan di bawah Kementerian Pcrusahaan Utama untuk melaksanakan pelbagai projck pcr-hutanan, teknik kawalan, pengawasan dan penguatkuasaan pengurusan hutan. Kerajaan juga akan meminda Akta Pcrhutanan Negara 1984 bagi mengatasi masalah-masalah yang sedang dihadapi. Selain dari itu, peruntukan sebanyak 6.7 juta ringgit disediakan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sckitar untuk pclbagai program kawalan pencemaran alam sekitar.

Kita perlu membcrikan perhatian khusus terhadap bahaya yang berpunca daripada plumbum yang dikeluarkan olch kcnderaan bcrmotor. Penggunaan petrol tanpa plumbum dapat me-ngurangkan pcncemaran udara dan ancaman cuaca berjercbu, letapi kos pengeluarannya adalah tinggi. Bagi menggalakkan pengeluaran petrol lanpa plumbum, saya mencadangkan supaya kos tambahan untuk mengeluarkan petrol tanpa plumbum diserap oleh kerajaan melalui pcngurangan cukai supaya harga runcit kedua-kedua jenis peirol tidak berbeza. Di samping itu, cadangan ini juga akan membolehkan pengeluar memperluas dan me-lengkapkan logistik rangkaian stesyen menjual pelrol tanpa plumbum. Selanjutnya Kerajaan akan mengambil langkah yang sesuai untuk tidak menggalakkan pcngeluaran dan penjualan minyak petrol berplumbum. Para pengguna yang masih meng-gunakan petrol berplumbum diingatkan bahawa mereka lambat laun akan membayar harga yang lebih mahal.

PROSPEK EKONOMI 1992

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara-negara perindusirian utama dijangka akan pulih dalam tahun 1992 meskipun pemulihan ilu perlahan. Pertumbuhan ekonomi negara-negara ini dijangka mencapai paras 3 pcratus berbanding dengan 1 peratus pada lahun 1991. Perkembangan perdagangan dunia dijangka lebih kukuh pada kadar 5 peratus berbanding dengan 0.9 pcratus dalam tahun 1991. Kejayaan Perundingan Pelbagai hala Uruguay akan meningkatkan keyakinan terhadap perkembangan pcrdagangan dunia dan ini akan memberi kesan posilif ke atas pospek pertumbuhan negara-negara membangun.

Kita yakin insya Allah, ekonomi pertumbuhan ekonomi bagi tahun 1992 Malaysia akan terus bertumbuh dan dijangka mencapai 8.5 peratus. Seperti dalam tahun 1991, sumber pcrtumbuhan ekonomi akan lerus didorong oleh permintaan dalam negeri. Walau bagaimanapun, permintaan dalam negeri dijangka berkembang pada tahap lebih sederhana dengan penggunaan swasta dijangka berkurangan kepada 5 peratus, dan pelaburan swasta kepada 10 peratus. Penggunaan awam dijangka meningkat pada kadar 10 peratus, terutamanya oleh kesan pembayaran tunggakan dan gaji baru kakitangan perkhidmatan awam. Pelaburan awam dijangka bertambah kukuh dengan pertumbuhan sebanyak 10 peratus disebabkan pclaksanaan projek Rancangan Malaysia Keenam. Dengan langkah-Iangkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengawal penggunaan dan inflasi, kadar kcnaikan harga dalam ekonomi dijangka dapat dibendung pada tahap 5 peralus.

Defisit akaun semasa imbangan pembayaran dijangka menjadi lebih besar. Walaupun permintaan dalam negeri akan menjadi sederhana, kesan dari pertumbuhan pelaburan yang pesat semenjak tahun 1988, dijangka akan terus membawa kepada pertumbuhan import yang kukuh. Defisit dalam akaun semasa imbangan pembayaran dijangka mencapai jumlah 13.6 billion ringgit atau 9.6 pcratus daripada KNK.

PENUTUP

Tuan Yang di-Pertua, Alhamdulillah, kejayaan ekonomi yang dinikmati sekarang adalah hasil dari dasar kerajaan yang bijaksana dan pengurusan yang cekap. Telapi kejayaan ekonomi juga amat bergantung kepada keselamatan yang terjamin. Kila tetap menyanjung pengorbanan anggota Tentera dan Polis. Kerajaan juga sentiasa menghargai sokongan dan keyakinan rakyal. Malah nampaknya kita semakin hari semakin mendapat sokongan jitu itu. Oleh kerana itu kiia sangat-sangat berterima kasih kepada semua rakyat Sarawak yang telah memberikan sokongan padu kepada Barisan Nasional. Mereka telah menghancurkan impian Pembangkang unluk berkuasa melalui politik pcrkauman dan kedaerahan. Kita jua mengucapkan tahniah kepada Pcrdana Mcnleri Daluk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Mentcri En. Ghafar Baba yang terus menerus mendapal kepercayaan dan keyakinan rakyat.

Malangnya ada juga segelintir rakyat, terutamasebilangankecilprofesional dan Pembangkang yang sentiasa cuba mengelirukan masyarakat dan dunia dengan menabur pelbagai fitnah dan tohmah. Pada hal mereka sendiri hidup dengan pelbagai bentuk kesenangan dan kemudahan hasil dari pembangunan yang dirancang oleh Kerajaan. Mereka lupa bahawa tanggungjawab untuk memastikan pertumbuhan mampan adalah tanggungjawab bersama. Jikalau pun mereka enggan turut bersama, kita harap janganlah pula mengkhianati aspirasi bangsa dan negara.

Ada pula orang yang menjaja prinsip pertanggung jawaban (accountability) ketika tidak lagi berkuasa. Ini adalah sifat para kembiri politik. Kila tidak apologetik dengan aduan rasuah. Semuanya akan disiasat. Teiapi aduan yang benar dan melalui salurannya berbeda dengan lohmahan politik seolah-olah scluruh pimpinan dan jentcra kerajaan diserang oleh rasuah. Ini sahaja yang didendangkan saban hari oleh pembangkang. Andaikala kenyataan tersebut benar, mustahil negara mcncaial kemajuan ccmerlang seperti sckarang. Namun begitu, kita tetap menganggap ini sebagai cabaran. Cabaran yang harus dipikul semasa kila berkuasa. Janganlah hendaknya kila boros dan rakus semasa bcrkuasa, tetapi lantang berbicara mengenai jimat cermat sclclah kita bersara.

Kerajaan amat sedar bahawa infrastrukiur asas adalah tcras kepada pembangunan. Justcru itu, semenjak Kerajaan Barisan Nasional memerintah, kita lelah bcrusaha membina infrastruktur di seluruh negara. Alhamdulillah, bukti kcsungguhan itujelasdan rakyat dapat menikmati kemudahan-kemudahan iiu sekarang. Walaupun kita masih mcnghadapi sedikit masalah mengenai pembekalan air yang cukup bagi scmua ncgeri, kerajaan sedang berusaha untuk mengatasinya.

